

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pencapaian sebagai Menteri sepanjang 2 tahun dalam Kerajaan Pakatan Harapan dan pencapaian seratus hari sebagai Menteri Kanan dalam Kerajaan Perikatan Nasional.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pencapaian sebagai Menteri sepanjang 2 tahun dalam Kerajaan Pakatan Harapan adalah seperti berikut:

- i. Pengenalan, penetapan hala tuju dan pelaksanaan dasar:
 - a) Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030);
 - b) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12);
- ii. Penyediaan dan pengagihan Peruntukan Pembangunan berjumlah lebih daripada RM9 bilion melibatkan:
 - a) Enam (6) negeri kurang membangun iaitu Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak; serta

- b) Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER);
- iii. Pelaksanaan pelaburan di wilayah-wilayah ekonomi dengan peruntukan komited berjumlah RM78.66 bilion dan RM47.44 bilion pelaburan direalisasi, yang menghasilkan 49,324 peluang pekerjaan melibatkan:
 - a) Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER);
 - b) Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER);
 - c) Iskandar Malaysia (IM);
 - d) Koridor Pembangunan Sabah (SDC); dan
 - e) Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE);
- iv. Penyediaan dan pengagihan peruntukan pembangunan luar bandar dan peruntukan sosioekonomi berjumlah RM23.34 bilion melibatkan:
 - a) 295 projek berkaitan jalan luar bandar dan perhubungan desa, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik, serta program ameniti sosial;
 - b) 2,362 projek berkaitan Sektor Kesihatan dan Kependudukan, Sektor Pembangunan Luar Bandar dan Masyarakat serta Sektor Pelajaran dan Pendidikan;
 - c) Peruntukan khusus pembangunan dan 35 sekolah daif di Sabah dan Sarawak; dan
 - d) Peruntukan Khas 2019 untuk 614 unit kemudahan seperti rumah ibadat, dewan komuniti, pusat pendidikan dan jalan raya.
- v. Penglibatan dan penyediaan bantuan dalam sektor pertanian berjumlah RM6.78 bilion melibatkan:

NO SOALAN : 29

- a) Pembentangan Kertas Putih FELDA di Parlimen pada 10 April 2019 berkaitan Pelan Pemulihan FELDA, pengurangan hutang, pengurusan kewangan dan sebagainya;
 - b) Bantuan Pembangunan Kawasan Tanam Semula Getah serta Bantuan Peningkatan Produktiviti dan Pembangunan Pekebun Kecil RISDA;
 - c) Pelaksanaan Pertanian Pintar;
 - d) Pengagihan keuntungan 2019 yang lebih tinggi bagi FELCRA Berhad; dan
 - e) Pemberian Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) 2019.
- vi. Penyediaan peruntukan Pembangunan Inklusif dalam Menangani Kemiskinan berjumlah RM356.14 juta melibatkan:
- a) Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Sasar Khusus;
 - b) Pemerkasaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli;
 - c) Program Usahawan Sosial Hebat (PUSH);
 - d) Pemerkasaan Pembangunan Masyarakat India;
 - e) Dana Pembiayaan dan Kemajuan Kampung Baru Cina; dan
 - f) Kasih Ibu Darul Aman (KIDA).
- vii. Pemerkasaan Pembangunan Industri Halal Negara:
- a) Kerjasama Ekonomi Malaysia-Korea Selatan berpaksikan *Look East Policy 2.0*; dan

- b) Penstrukturan Semula Agenda Pembangunan Industri Halal Negara melalui Majlis Pembangunan Industri Halal (MPIH);
- viii. Pemudahcara proses membuat keputusan melalui modenisasi dan inovasi statistik:
- a) Pemberian aksesibiliti awam kepada aplikasi *MyLocal Stats 2.0*; dan
 - b) Pelancaran aplikasi *Malaysia Business Cycle Clock* (MBCC) dan *Trade by Enterprise Characteristic* (TEC).
- ix. Pelaksanaan program dan pengukuhan kerjasama antarabangsa seperti:
- a) Penganjuran program Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals – SDG*);
 - b) Kerjasama strategik dengan Agensi *United Nations* dan *World Bank*;
 - c) Pengukuhan hubungan dua hala Malaysia-Russia; dan
 - d) Kerjasama Brunei Darussalam – Indonesia – Malaysia – Philippines *East Asean Growth Area* (BIMP-EAGA);
- x. Pengiktirafan peranan Bumiputera dalam penyediaan RMKe-12 dan WKB2030 dan penyediaan peruntukan Pembangunan Bumiputera sebanyak RM5.879 bilion untuk:
- a) Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU);
 - b) Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB);
 - c) Pelaburan Hartanah Berhad (PHB);
 - d) Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS); dan
 - e) Dana Mudahcara di bawah NCER.

2. Manakala, pencapaian seratus hari sebagai Menteri Kanan dalam Kerajaan Perikatan Nasional adalah seperti berikut:

- i. Mengetuai usaha pengurusan pembukaan semula sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
- ii. Merencanakan pelan pembukaan ekonomi secara berkala dan teratur sepanjang PKP;
- iii. Memimpin Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam mengetuai sesi libat urus bersama industri sepanjang PKP;
- iv. Mengetuai penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk pengukuhan Pakej Rangsangan Ekonomi;
- v. Mengetuai #BarisanHadapanEkonomi dalam pembukaan operasi sektor-sektor ekonomi;
- vi. Memimpin rundingan-rundingan hubungan ekonomi dua hala, serantau dan global;
- vii. Menyokong transformasi syarikat tempatan ke arah pendigitalan dan penggunaan analisis data raya;
- viii. Memastikan usaha-usaha MITI yang menyokong pemulihan ekonomi diterapkan di dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA); dan
- ix. Menjadi ikon MITI di kalangan media.

Sekian, terima kasih.